



KEMENTERIAN DALAM NEGERI



SAMBUTAN 2 DEKAD

AGANSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

15 FEBRUARI 2025

"DUA DEKAD MARITIM MALAYSIA: PERISAI SAMUDERA NEGARA"



Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia



@MYCoastGuard



Malaysia_CoastGuard



Malaysia Coast Guard



@malaysiacoastguard



www.mmea.gov.my





UCAPAN MENTERI DALAM NEGERI



Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, saya panjatkan
kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas
limpah rahmat-Nya yang memungkinkan
kita meraikan Ulang Tahun Agensi
Penguatkuasaan Maritim Malaysia
(APMM) pada 15 Februari 2025 ini.

Dalam tempoh 20 tahun, APMM
telah menjadi tunjang penguatkuasaan
undang-undang maritim negara.
Keberanian, kecekapan dan dedikasi
setiap warganya telah menjadikan
APMM sebuah agensi yang disegani
sehingga ke peringkat antarabangsa.
Kejayaan dalam penguatkuasaan
undang-undang dan operasi Mencari dan
Menyelamat (CARILAMAT) membuktikan
profesionalisme tinggi yang dimiliki oleh
APMM.

Seiring dengan perkembangan
teknologi, APMM perlu bersedia
mengoptimumkan aplikasi kecerdasan buatan (AI) yang semakin berkembang pesat,
seraya membantu meningkatkan keberkesanan operasi maritim melalui penggunaan
teknologi seperti satelit pintar dan analitik data masa nyata yang mampu mengesan
ancaman dengan lebih pantas dan tepat. Namun, penerapan AI juga menuntut
kesiapsiagaan tenaga kerja dalam mengendalikan teknologi ini. Oleh itu, APMM harus
terus beradaptasi melalui latihan berterusan, serta berkolaborasi strategik dengan pakar
teknologi bagi memastikan keupayaan operasi APMM sentiasa di tahap yang terbaik.

Saya yakin APMM akan terus maju sebagai penguat kuasa maritim negara.
Dengan komitmen tinggi dan semangat juang yang tidak pernah luntur, APMM akan terus
melakar kejayaan dalam memastikan perairan Malaysia kekal selamat dan terpelihara.
Tahniah dan syabas kepada seluruh warga APMM atas dedikasi dan pengorbanan
selama dua dekad ini. Semoga Allah S.W.T merahmati segala usaha dan perjuangan
anda semua.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail
Menteri Dalam Negeri



Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia
MADANI.

Sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan sempadan laut negara, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) komited melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dalam memastikan keselamatan perairan sempadan negara sentiasa terpelihara.

Keberanian dan profesionalisme seluruh warga APMM bukan sahaja menjadi inspirasi kepada rakyat, tetapi juga mencerminkan komitmen agensi ini sebagai penguat kuasa maritim yang unggul dan berwibawa.

Keupayaan APMM dalam menggalas tugas penguatkuasaan undang-undang, mencegah jenayah rentas sempadan, melindungi khazanah laut negara, dan menyelamatkan nyawa di perairan negara adalah bukti nyata akan kecekapan organisasi ini.

Bertemakan **“Dua Dekad Maritim Malaysia: Perisai Samudera Negara”**, sambutan pada tahun ini amat bermakna kerana ia merupakan pengiktirafan kepada APMM atas pengorbanan yang dicurahkan selama dua dekad dalam melindungi perairan negara. Ini penting agar rakyat dapat hidup dalam keadaan yang selamat dan sejahtera. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada APMM atas sambutan dua dekad penubuhan agensi ini. Semoga APMM terus maju dan kekal menjadi benteng kukuh samudera negara.

Sekian, terima kasih.

Datuk Awang Alik bin Jeman
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri



UCAPAN KP APMM



Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Maritim Perkasa
dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, kita dapat meraikan sambutan dua dekad penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang penuh bermakna ini.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2005, APMM telah mengukir pelbagai kejayaan gemilang dalam memastikan keselamatan serta kedaulatan maritim negara terus terpelihara. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh pegawai dan anggota APMM, baik yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara, atas dedikasi dan pengorbanan tanpa mengenal lelah sepanjang tempoh ini.

Melangkah ke hadapan, selaku Ketua Pengarah baharu APMM, saya telah memperkenalkan Teras Tujuh untuk dijadikan prinsip dan tunjang utama dalam membimbing setiap penguat kuasa APMM. Prinsip ini menekankan kepimpinan yang proaktif dan inklusif, kecintaan mendalam terhadap negara serta tanggungjawab, dan usaha berterusan dalam meningkatkan keupayaan modal insan serta pengukuhan organisasi.

Di samping itu, teras ini turut mengutamakan integriti, ketelusan, dan akauntabiliti sebagai asas tatakelola. Bukan itu sahaja, APMM perlu memastikan aset yang dimiliki sentiasa bersedia mendepani cabaran, dan mengadaptasi teknologi terkini bagi meningkatkan keberkesanan operasi. Teras Tujuh juga menggalakkan pengukuhan hubungan strategik dengan pelbagai pihak, baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, demi manfaat bersama.

Semua teras yang dinyatakan ini bukan sekadar rangka tindakan, tetapi ia mesti dijadikan falsafah kerja yang menyeluruh dan mendalam bagi membimbing kita ke arah kecemerlangan yang berterusan.

Sambutan Dua Dekad Maritim Malaysia ini bukan sekadar memperingati kejayaan lampau, ia juga adalah saat untuk memperbaharui tekad, mengorak langkah yang lebih berani, dan merangka masa depan yang lebih gemilang untuk kita semua.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sambutan ini. Semoga usaha ini diberkati Allah SWT dan menjadi inspirasi buat generasi masa hadapan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Laksamana Maritim Datuk Haji Mohd Rosli bin Abdullah
Ketua Pengarah
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia



ATUR CARA SAMBUTAN 2 DEKAD AGANSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA TAHUN 2025

MASA	PERKARA
ACARA FLEET REVIEW	
08.25 pagi	Ketibaan YBhg. Laksamana Madya Maritim Datuk Saiful Lizan bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Logistik APMM di SPCT
08.30 pagi	Ketibaan Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha KDN & Ketua-ketua Jabatan/ Agensi di SPCT
08.35 pagi	Ketibaan YBhg. Laksamana Maritim Datuk Hj. Mohd Rosli bin Abdullah, Ketua Pengarah APMM di SPCT
08.40 pagi	Ketibaan YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri di SPCT
08.45 pagi	Ketibaan YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, Timbalan Menteri Dalam Negeri di SPCT
08.50 pagi	Ketibaan YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri di SPCT
09.00 pagi	<i>Acara Fleet Review</i>
10.00 pagi	YB Menteri Dalam Negeri & Tetamu Kehormat bergerak ke Persiaran Karpal Singh
ACARA PERBARISAN	
09.45 pagi	Ketibaan Dif-dif Jemputan di Pentas Utama Persiaran Karpal Singh
10.00 pagi	Kawalan Kehormatan Utama Berjalan Masuk
10.10 pagi	Ketibaan YBhg. Laksamana Madya Maritim Datuk Saiful Lizan bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Logistik APMM di Pentas Utama
10.15 pagi	Ketibaan YBhg. Laksamana Maritim Datuk Hj. Mohd Rosli bin Abdullah, Ketua Pengarah APMM di Pentas Utama
10.20 pagi	Ketibaan YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri di Pentas Utama



ATUR CARA SAMBUTAN 2 DEKAD AGANSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA TAHUN 2025

MASA	PERKARA
ACARA PERBARISAN (sambungan)	
10.25 pagi	Ketibaan YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, Timbalan Menteri Dalam Negeri di Pentas Utama
10.30 pagi	Ketibaan YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri di Pentas Utama
S/S	Pemeriksaan Kawalan Kehormatan Utama oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri
S/S	Kawalan Kehormatan Utama Berjalan Keluar
S/S	Platun Perbarisan Berjalan Masuk
S/S	Nyanyian Lagu Negaraku & Maritim Perkasa
S/S	Bacaan Doa oleh Kepten Maritim Haji Nik Kamaruddin bin Yunoh
S/S	Ucapan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri
S/S	Penyampaian Piala, Pingat dan Sijil Penghargaan Khas Ketua Pengarah oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri.
S/S	YB Menteri Dalam Negeri dan Tetamu Kenamaan bergerak ke <i>Holding Room</i>
ACARA DEMONSTRASI	
11.30 pagi	YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri dan Tetamu Kenamaan bergerak ke Pentas Persembahan
S/S	Persembahan Khas Aset Laut dan Udara APMM
S/S	Lawatan ke Reruai Pameran
S/S	Sidang Media
S/S	YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri dan Tetamu Kenamaan melawat ke Reruai Pameran
S/S	Merarau (Makan Tengah Hari)
01.00 Tghari	Majlis Sambutan 2 Dekad APMM selesai



PINGAT ANUGERAH KHAS MARITIM MALAYSIA (A.K.M.M)



PINGAT ANUGERAH KHAS MARITIM MALAYSIA (A.K.M.M)

PINGAT ANUGERAH KHAS MARITIM MALAYSIA A.K.M.M



Pingat ini merupakan pengiktirafan tertinggi dalam senarai Pingat Perkhidmatan APM yang dianugerahkan oleh Ketua Pengarah. Penganugerahan diberikan kepada Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang telah menunjukkan kecemerlangan di peringkat antarabangsa menerusi pencapaian luar biasa dalam tugas operasi, pencapaian akademik mahu pun aktiviti sukan dan sosial serta penyertaan kursus/ seminar/ persidangan berimpak tinggi sehingga berjaya mengangkat imej Agensi di dalam dan luar negara.



PINGAT ANUGERAH KHAS MARITIM MALAYSIA (A.K.M.M)

PENERIMA PINGAT A.K.M.M



KEPTEN (M) SYUZEFRIL BIN MAT NOOR


KATEGORI KEGIATAN LUAR

1. Juara (Berpasukan), Naib Juara (Individu Shoot Off), Ke-2 (Individu) Kebangsaan di Kejohanan Menembak IPSC Leios.
2. Juara Kebangsaan di Kejohanan Bola Sepak Central Region Cup.
3. Naib Juara (Individu dan Pasukan), Ke-3 (Individu Shoot Off Antarabangsa) di Kejohanan Menembak IPSC DSS Level III.
4. Tempat Ke-82 Antarabangsa Kejohanan Menembak Dunia IPSC Australasia Level IV.



PINGAT ANUGERAH KHAS MARITIM MALAYSIA (A.K.M.M)

PENERIMA PINGAT A.K.M.M



LK (M) MOHAMAD ZAIRUL BIN KHALIL TAN

KATEGORI KEGIATAN LUAR

1. **Pengadil Perlawanan Asian Cup 2023 Qatar.**
2. **Calon finalis Pengadil World Cup 2026 bersama 12 Trio seluruh Asia**



PINGAT PERKHIDMATAN 20 TAHUN & PINGAT 2 DEKAD APMM



PINGAT MARITIM MALAYSIA

PINGAT PERKHIDMATAN 20 TAHUN



Pingat ini dianugerahkan oleh Ketua Pengarah kepada Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim yang telah mencapai tempoh perkhidmatan dua puluh (20) tahun bersama Agensi.

PINGAT 2 DEKAD APMM



Seiring usia penubuhannya, Pingat 2 Dekad APMM ini adalah sebagai manifestasi kematangan APMM dari segenap aspek meliputi pelaksanaan operasi, pembangunan logistik dan pengurusan organisasi. Sehubungan itu, Pingat 2 Dekad APMM dianugerahkan oleh Ketua Pengarah kepada semua Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim termasuk Pegawai Skim Perkhidmatan Gunasama dan Pegawai Kader yang berkhidmat di APMM sebelum atau pada 15 Februari 2025.



PIALA LAKSAMANA (MARITIM NEGERI TERBAIK)





PIALA LAKSAMANA (MARITIM NEGERI TERBAIK)

KRITERIA MARITIM NEGERI TERBAIK

Piala Laksamana merupakan Piala Anugerah Maritim Negeri Terbaik yang dinilai berdasarkan kriteria Pencapaian Operasi, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Aset, Pengurusan Integriti, Pengurusan Siasatan, Penglibatan Khas dan Penilaian oleh Pengurusan Tertinggi APMM.

PENERIMA ANUGERAH



MARITIM NEGERI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Diketuai oleh

LAKSAMANA PERTAMA (M)
DATUK CHE ENSKU SUHAIMI BIN CHE ENSKU DAIK
Pengarah Maritim Negeri Sabah Dan Wilayah Persekutuan Labuan



PIALA PERKASA (KAPAL MARITIM TERBAIK)





PIALA PERKASA (KAPAL MARITIM TERBAIK)

KRITERIA KAPAL MARITIM TERBAIK

Piala Perkasa merupakan Piala Anugerah Kapal Terbaik yang dinilai berdasarkan kriteria Pencapaian Jumlah Hari di Laut, Jumlah Pemeriksaan Fizikal, Jumlah Tangkapan, Nilai Rampasan dan Penglibatan Khas.

PENERIMA ANUGERAH



KAPAL MARITIM TUN FATIMAH (MARITIM NEGERI SARAWAK)

Diketuai oleh

**KEPTEN (M) HARIS FADZILLAH BIN ABDULLAH
PEGAWAI MEMERINTAH KM TUN FATIMAH**



PIALA KESATRIA (BOT MARITIM TERBAIK)





PIALA KESATRIA (BOT MARITIM TERBAIK)

KRITERIA BOT MARITIM TERBAIK

Piala Kesatria merupakan Piala Anugerah Bot Terbaik yang dinilai berdasarkan kriteria Pencapaian Jumlah Hari di Laut, Jumlah Pemeriksaan Fizikal, Jumlah Tangkapan, Nilai Rampasan dan Penglibatan Khas.

PENERIMA ANUGERAH



KILAT 39 (MARITIM NEGERI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN)

Diketuai oleh

**BINTARA MUDA (M) ABD SALLEH BIN PINI
KETUA BOT KILAT 39**



PIALA HELANG EMAS (SKUADRON UDARA TERBAIK)





PIALA HELANG EMAS (SKUADRON UDARA TERBAIK)

KRITERIA SKUADRON UDARA TERBAIK

Piala Helang Emas merupakan Piala Anugerah Skuadron Udara Terbaik yang dinilai berdasarkan kriteria menyeluruh aspek-aspek piawaian, polisi, keselamatan dan kesiapsiagaan penerbangan.

PENERIMA ANUGERAH



SKUADRON AW139 (STESEN UDARA MARITIM SUBANG)

Diketuai oleh

**KOMANDER MARITIM MOHD AZROL BIN SAIDI
KETUA SKUADRON AW139**



PERSONALITI YANG TERLIBAT DALAM SAMBUTAN 2 DEKAD APMM



KOMANDER PERBARISAN



Komander (M)
Mohd Fazulli bin Mansor



Komander (M)
Zamri bin Rosdi

PEGAWAI WARAN PERBARISAN



Pegawai Waran I (M)
Bukhary @ Bukhairy bin Musa



Pegawai Waran I
Jamaludin bin Abdul Manaf

PEGAWAI KAWALAN KEHORMATAN UTAMA I



Leftenan Komander (M)
Mohammad Asyraf bin Ab Ghani



Leftenan Komander (M)
Mohd Faez bin Mohamed Raiff



PERSONALITI PERBARISAN

PEGAWAI KAWALAN KEHORMATAN UTAMA II



Leftenan (M)
Mohd Sufian bin Anuar



Leftenan (M)
Mohd Shidee bin Mohd Yusoff

PEGAWAI WARAN KAWALAN KEHORMATAN UTAMA



Pegawai Waran I (M)
Syed Azian bin Syed Sohor



Pegawai Waran I (M)
Amir Hamzah bin Mat Saad

KETUA JURULATIH KAWAD



Pegawai Waran I (M)
Mohamad Pauzi bin Bakar



PERSONALITI PERBARISAN

PEGAWAI PANCARAGAM PUSAT APMM



Leftenan Komander (M)
Mohd Hafizi bin Shamsuri

KETUA PANCARAGAM PUSAT APMM



Laskar Kanan (M)
Abu Bakar bin Ani

DRUM MAJOR PANCARAGAM PUSAT APMM



Laskar Kanan (M)
Noordin bin Muhammad



Laskar Kanan (M)
Rahmat bin Omar



PERSONALITI PERBARISAN

PENIUP TETUANG



Laskar Kanan (M)
Mohd Bakhori bin Baki

PEGAWAI PLATUN ALPHA



Leftenan Muda (M)
Muhammad Ishar bin Misran

PEGAWAI PLATUN BRAVO



Leftenan Muda (M)
Hamsah bin Amir

PEGAWAI PLATUN CHARLIE



Leftenan Muda (M)
Fazril Farhan bin Danial

PEGAWAI PLATUN DELTA



Leftenan Muda (M)
Amir Faisal bin Aminul Musaddad



PERSONALITI PERBARISAN

PENGERUSI JAWATANKUASA HARI ULANG TAHUN KE-20



Laksamana Madya (M)
Datuk Saiful Lizan bin Ibrahim

PANGLIMA PERBARISAN



Laksamana Pertama (M)
Hamizan bin Harun

KETUA SEKRETERIAT



Encik Mohd Nasir bin Mohamad Mazlan



PERSONALITI PERBARISAN

PEMBACA DOA



Kepten (M)
Haji Nik Kamaruddin bin Yunoh

PEGAWAI PROTOKOL



Leftenan (M)
Muhamad Nur Hakim bin Maulud

JURUACARA MAJLIS



Leftenan (M)
Mohd Azfar bin Mohd Razab



Leftenan Madya (M)
Nurul Nadia binti Jamaluddin



PERSONALITI FLEET REVIEW

KM TUN FATIMAH



Kepten (M)
Haris Fadzillah bin Abdullah
Pegawai Memerintah KM TUN FATIMAH

KM MULIA



Leftenan Komander (M)
Faezal bin Alimat
Pegawai Memerintah KM MULIA



PERSONALITI ASET FLEET REVIEW

KM GAGAH



**Leftenan Komander (M)
Tuan Mohd Arizan Hakimi bin Mohd Zin
Pegawai Memerintah KM GAGAH**

KM SATRIA



**Leftenan Komander (M)
Nur Hasif bin Bakhtiar
Pegawai Memerintah KM SATRIA**



PERSONALITI ASET FLEET REVIEW

KM PERWIRA



**Leftenan Komander (M)
Mohd Azlan bin Osman
Pegawai Memerintah KM PERWIRA**

KM DANGA



**Leftenan Komander (M)
Muhammad Rasul bin Abu Bakar
Pegawai Memerintah KM DANGA**



PERSONALITI ASET FLEET REVIEW

KM SEBATIK



**Leftenan Komander (M)
Mohd Hazimy bin Yusoff
Pegawai Memerintah KM SEBATIK**

KM SIANGIN



**Leftenan Komander (M)
Mohd Hafidz bin Mohd Tajuddin
Pegawai Memerintah KM SIANGIN**



PERSONALITI ASET FLEET REVIEW

KM REDANG



**Leftenan Komander (M)
Mohd Hafizuddin bin Mohd Jalal
Pegawai Memerintah KM REDANG**

KM MALAWALI



**Leftenan Komander (M)
Nashrun bin Abdul Ghani
Pegawai Memerintah KM MALAWALI**



PERSONALITI ASET FLEET REVIEW

KM TAMBISAN



**Leftenan Komander (M)
Muhammad Solihin bin Ismail
Pegawai Memerintah KM TAMBISAN**

KM NYALAU



**Leftenan Komander (M)
Shamsul Afnan bin Samli
Pegawai Memerintah KM NYALAU**



PESAWAT AW 139



**Leftenan Komander (M)
Ahmad Fauzan bin Jaafar
Komander Pesawat AW 139**



PESAWAT AS365N3



**Leftenan Komander (M)
Mohd Muzaifa bin Adnan
Komander Pesawat AS365N3**



**Leftenan Komander (M)
Mohd Faizal bin Maruwee
Komander Pesawat AS365N3**



JAWATANKUASA INDUK

TIMB. KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)
TIMBALAN PENERUSI
PEJ. TKPP

ENCIK MOHD NASIR BIN MOHAMAD MAZLAN
(PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)
KETUA SEKRETARIAT JK PROTOKOL / KEROHANIAN/ SAJIAN DAN
PENGINAPAN

HAJI GHAZALI BIN HIZAM
JK JEMPUTAN DAN SAMBUTAN
(PENGARAH SUMBER MANUSIA)

LAKSAMANA PERTAMA (M) DATUK HAJI MD FAUZI BIN OTHMAN
JK KESELAMATAN
(PENGARAH PERISIKAN)

LAKSAMANA PERTAMA (M) HAMIZAN BIN HARUN
JK PERBARISAN
(PENGARAH AMSAS)

DATO' BARKHIYA BIN SHAHIRUDDIN
JK KEWANGAN DAN PEROLEHAN
(PENGARAH KEWANGAN DAN BELANJAWAN)

LAKSAMANA PERTAMA (M) VINCENT A/L RAJAMONY
JK PENGANUGERAHAN
(TIMBALAN PENGARAH BPPM)

ENCIK MAHMUD BIN ABD RAHMAN
JK TEKNIKAL DAN SIARAYA
(PENGARAH BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT)

KEPTEN (M) MUHAMMAD SUFFI BIN MOHD RAMLI
JK PERSEMBAHAN DAN DEMONSTRASI
(TIMBALAN PENGARAH BKPM)



JAWATANKUASA INDUK

KEPTEN (M) RAZALI BIN KASIM
JK PERSIAPAN TEMPAT DAN KEBERSIHAN
(PMN PULAU PINANG)

KEPTEN (M) MOHD RIZAL BIN HISHAMUDDIN
JK KESIAPSIAGAAN ASET
(KPPK KEJURUTERAAN)

KEPTEN (M) ISKANDAR BIN ISHAB @ ISHAK
JK PENGANGKUTAN
(PENGARAH PENGANGKUTAN)

KEPTEN (M) ASMAWATI BINTI MOHD TUJERI
JK BEKALAN AM DAN TEKNIKAL
(PENGARAH BEKALAN)

PUAN SALAWATI BINTI YAHAYA
JK PUBLISITI DAN PROMOSI
(PENGARAH UNIT KOMUNIKASI KORPORAT)



**Penaung dan Pengerusi
Sambutan 2 Dekad Maritim Malaysia
Tahun 2025
merakamkan ucapan ribuan terima kasih
kepada semua Ahli Jawatankuasa Kerja
yang terlibat secara langsung atau
tidak langsung dalam menjayakan
Sambutan 2 Dekad Maritim Malaysia
pada 15 Februari 2025.**



AGENCI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI



ATURCARA 2 DEKAD APMM